



KOPERAK

# KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD LAPORAN TAHUNAN 2021

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39

11 SEPTEMBER 2021



## **VISI**

“Untuk menjadi Koperasi yang menerajui kecemerlangan kepelbagaian aktiviti perniagaan dengan penawaran perkhidmatan yang terbaik”

## **MISI**

- ❖ Beriltizam ke arah memajukan kualiti perkhidmatan melalui kepelbagaian aktiviti perniagaan dan kebajikan anggota.
- ❖ Beriltizam ke arah peningkatan kepuasan anggota menerusi perkhidmatan yang jujur, amanah, cekap dan cepat.
- ❖ Beriltizam meneruskan usaha meningkatkan keuntungan anggota koperasi dari semasa ke semasa.
- ❖ Beriltizam untuk berdedikasi mempergiatkan tanggungjawab sosial menerusi keuntungan yang diperolehi.

## **OBJEKTIF**

- ❖ Menjalankan kegiatan ekonomi berlandaskan konsep Pematuhan Syariah.
- ❖ Membina dan membangunkan ekonomi anggota melalui masyarakat sejagat.
- ❖ Memupuk sikap bekerjasama dan tolong menolong di kalangan anggota.
- ❖ Membantu anggota memperolehi wang tunai dan perkhidmatan secara mudah serta halal melalui pembiayaan berlandaskan Syariah.
- ❖ Mengadakan program Pendidikan kepada anggota melalui seminar dan kursus (dalaman & luaran)
- ❖ Melahirkan anggota yang bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia dan berwibawa.

# KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	Anggota Lembaga Koperasi Perbadanan Perak Berhad	3
2.	Perutusan Pengerusi	4-5
3.	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39	6-7
4.	Maklumat Korporat	8
5.	Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37	9-15
6.	Senarai Anggota Lembaga	16
7.	Senarai Jawatankuasa Audit Dalaman	16
8.	Laporan Kemajuan Dan Laporan Aktiviti-Aktiviti Jawatankuasa	17-29
9.	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman	30
10.	Laporan Dan Kenyataan Kewangan 31 Disember 2020	
	Maklumat Koperasi	
	Laporan Juruaudit Bebas	
	Laporan Berkanun Anggota Lembaga	
	Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan	31-73
	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan	
	Penyata Pendapatan	
	Penyata Aliran Tunai Disatukan	
	Nota-nota kepada Penyata Kewangan	
11.	Anggaran Penyata Kewangan Tahun 2022	74-76
12.	Berita Bergambar	77

## ANGGOTA LEMBAGA KOPERAK



ABD KARIM NAST BIN MOHD ALIAS, PPT  
**PENGERUSI**



ABDUL RAHIM BIN BOHARI@BAHARI, AMP  
**TIMBALAN PENERUSI**



ALYA BINTI MOHAMAD SAFRAN  
**SETIAUSAHA**



KAMARUL BAHRAIN BIN BAHARUDIN  
**BENDAHARI**



MIOR SHAIFUDDIN  
BIN ZAKARIA, PPT



NOR AZMAN  
BIN MOHD SALLEH



MEGAT GHAZALI  
BIN ABDUL KARIM



ISNOR FAZNI  
BINTI ABU HASSAN



NAZATUL HALIPAH  
BINTI KAMARULZAMAN



AIDEE RADZWAN  
BIN ROSIDI



MOHD HELMI  
BIN JOHOR



MOHAMAD HAFIZ  
BIN SULAIMAN

# PERUTUSAN Pengerusi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) masih dapat menjalankan aktiviti tahunan iaitu Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-39 dan saya masih diberikan peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ucapan kali ini.



Sekalung penghargaan buat YBhg. Datuk Redza Rafiq Bin Abdul Razak, yang telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan harapan akan sentiasa menyokong semua aktiviti-aktiviti serta perniagaan-perniagaan yang telah dijalankan khususnya serta perniagaan-perniagaan yang dicadangkan untuk diceburi amnya supaya KOPERAK dapat menjadi salah satu koperasi yang berdaya maju seiring dengan koperasi-koperasi berjaya yang lain di Malaysia.

Alhamdulillah saban tahun KOPERAK masih dapat mengekalkan serta menambahbaik prestasi KOPERAK berkat dari sokongan anggota-anggota yang sentiasa memberikan sokongan kepada KOPERAK tanpa jemu. Berkat dari sokongan berterusan daripada anggota-anggota pendapatan KOPERAK akan dapat terus meningkat dari semasa ke semasa selari dengan visi, misi serta objektif penubuhan KOPERAK.

Seperti tahun-tahun sebelumnya Alhamdulillah pada tahun ini KOPERAK masih berpeluang untuk memberikan sumbangan buah thamar dan sumbangan duit Hari Raya KOPERAK yang telahpun diedarkan kepada semua anggota pada bulan Ramadhan yang lalu.

Demi memastikan kelangsungan prestasi KOPERAK, Anggota Lembaga KOPERAK sentiasa meneroka perniagaan-perniagaan baru bagi menambahkan pendapatan KOPERAK selain daripada menambahbaik perniagaan yang sedia ada. Seperti semua sedia maklum, dalam keadaan negara yang sedang dilanda wabak covid-19 ini sedikit sebanyak memberikan impak dalam pendapatan bukan sahaja kepada KOPERAK malah hampir kepada semua syarikat serta peniaga-peniaga di negara ini.

Untuk makluman semua, Stesen Minyak Kedua iaitu Stesen Minyak Lebuh Meru Raya InsyaAllah dijangka akan beroperasi bermula tahun ini. Berkat doa serta sokongan dari anda semua stesen minyak ini akan memberikan impak positif kepada pendapatan KOPERAK.

Di sini saya mencadangkan dividen KOPERAK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 yang mengambilkira Modal Yuran Anggota dan Modal Syer Anggota Terkumpul sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak 10% atau keseluruhannya sebanyak RM259,881.55 tertakluk kelulusan Mesyuarat Agung yang diadakan dan mengekalkan dividen berbayar bagi tahun lalu (2019) sebanyak 10%.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa dividen yang diumumkan sudah mengambil kira 2.5% bayaran Zakat Perniagaan KOPERAK (termasuk Modal Yuran dan Syer Anggota) di mana bayaran zakat tersebut akan dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Untuk makluman anggota semua zakat perniagaan bagi tahun 2019 telah dijelaskan sebanyak RM22,101.31.

Akhir kalam, saya bagi pihak semua anggota Lembaga KOPERAK mengucapkan selamat bersidang. Semoga Mesyuarat ini diberkati oleh Allah S.W.T dan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. "Sesungguhnya yang baik dari Allah dan yang buruk dari kelemahan diri sendiri".

Sekian, Terima kasih

**"MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,  
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA"**



**(ABD KARIM NAST BIN MOHD ALIAS, PPT)**  
Pengerusi  
**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**



Ruj Kami: Bil (10) dlm KPPB/TABD/9 Jld 3

27 Ogos 2021

Kepada  
Anggota-Anggota  
Koperasi Perbadanan Perak Berhad

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD KALI KETIGA PULUH SEMBILAN (39)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : 11 September 2021 (Sabtu)  
Tempat : Aplikasi Zoom  
Masa : 8.00 pagi : Pendaftaran Anggota

10.00 pagi : Bacaan Doa

Ucapan Aluan  
Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT  
Pengerusi,  
Koperasi Perbadanan Perak Berhad

10.30 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ketiga Puluh Sembilan (39) Bermula

3. Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut :-

- 3.1 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung.
- 3.2 Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39.
- 3.3 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37
- 3.4 Membentang Dan Menerima :-
  - a) Laporan Kemajuan Tahunan 2020/2021
  - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman

- 3.5 Menimbang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
  - 3.6 Menimbang dan meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020.
  - 3.7 Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2022.
  - 3.8 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK.
  - 3.9 Menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KOPERAK.
  - 3.10 Meluluskan perantikan satu panel yang terdiri daripada Firma-Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK tahun 2021.
    - a) AljeffriDean PLT,  
No. 1A, Jalan Meru Utama  
A1, Medan Meru Utama,  
Bandar Meru Raya,  
30020 Ipoh, Perak
    - b) Shukri Yusof & Co  
27A, Lebuh Taman Ipoh,  
Taman Ipoh,  
31400 Ipoh, Perak
    - c) Hisham & Co  
No. 44A Tingkat 1,  
Jalan Todak 2,  
Bandar Seberang Jaya,  
13700 Perai, Pulau Pinang
    - d) Kamarul Azhar Consultant,  
No.9 Blok N, Fasa 1C2,  
Jalan SM 1C/4,  
32040 Sri Manjung, Perak
  - 3.11 Membahaskan Usul-usul yang disampaikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.
  - 3.12 Mengisytiharkan keputusan undian pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK.
4. Semua Anggota KOPERAK adalah dijemput hadir.
  5. Anggota-anggota yang mempunyai sebarang Usul boleh berbuat demikian dengan mengemukakan secara bertulis kepada Setiausaha KOPERAK pada atau sebelum 3 September 2021 untuk diperbahaskan di dalam Mesyuarat Agung.

Sekian, terima kasih.

**“MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,  
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA”**

Dengan hormatnya,



**(ALYA BINTI MOHAMAD SAFRAN)**

Setiausaha,

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**

s.k Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak  
Tingkat 1, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said  
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

# MAKLUMAT KORPORAT

Didaftarkan di Malaysia pada 6 September 1975, No. Pendaftaran KOOP. INST.1

<b>PEJABAT OPERASI</b>	No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak <b>Tel</b> : 05-5251947 <b>Email</b> : 1 <a href="mailto:koperak@gmail.com">koperak@gmail.com</a> <b>Facebook</b> : KOPERAK PKNP
<b>WAKTU PEJABAT</b>	8.00 pagi – 5.00 petang (Isnin- Jumaat)
<b>SYARIKAT KUMPULAN</b>	SIKAP UTAMA SDN BHD. (399188/W) DAN PANCARAN PERMATA SDN BHD. (536265-A) No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak
<b>BANK</b>	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak  MAYBANK 277-281 Jalan Silibin, Taman Malcop, 30100 Ipoh, Perak
<b>PANEL GUAMAN</b>	MIOR ASSOCIATES, 28A-1 Jalan Kamarudin Isa, Fair Park, 31400 Ipoh, Perak  LOKMAN REENA & CO, No 43, Room A, Jalan Istana,30000 Ipoh, Perak
<b>JURUAUDIT LUAR</b>	ALJEFFRIDEAN PLT, Akauntan Bertauliah (Malaysia), No 1A-1, Jalan Meru Utama A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak

## KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

### MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-37

Tarikh : 29 Jun 2019 (Sabtu)  
Masa : 11.30 pagi  
Tempat : Pusat Konvensyen Casuarina  
Hotel Casuarina @ Meru  
Bandar Meru Raya  
30020 Ipoh.

#### **Kehadiran Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa Audit Dalam**

- |  |                            |
|--|----------------------------|
| 1. Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT    | - Pengerusi                |
| 2. Encik Abdul Rahim Bin Bohari @ Bahari, AMP  | - Timbalan Pengerusi       |
| 3. Encik Sharifudin Bin Yacob                  | - Setiausaha               |
| 4. Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin          | - Bendahari                |
| 5. Encik Mior Shaifuddin Bin Haji Zakaria, PPT | - Anggota Lembaga          |
| 6. Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh             | - Anggota Lembaga          |
| 7. Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim         | - Anggota Lembaga          |
| 8. Puan Lailatussa'adah Binti Abd Hamid        | - Anggota Lembaga          |
| 9. Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan           | - Anggota Lembaga          |
| 10. Puan Alya Binti Mohamad Safran             | - Anggota Lembaga          |
| 11. Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi             | - Anggota Lembaga          |
| 12. Encik Mohamad Hafiz Bin Sulaiman           | - Anggota Lembaga          |
| 13. Encik Zaikal Zikry Bin Mansor              | - Jawatankuasa Audit Dalam |
| 14. Puan Nur Azura Binti Abd Khamin            | - Jawatankuasa Audit Dalam |
| 15. Encik Arif Fadillah Bin Shamlan            | - Jawatankuasa Audit Dalam |

#### **Kehadiran Anggota**

Seramai 404 orang daripada 528 anggota termasuk Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam telah hadir seperti senarai di lampiran.

#### **1.0 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Perbadanan Perak Berhad ("KOPERAK")**

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah mencadangkan Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat. Cadangan beliau telah disokong sebulat suara oleh semua anggota.

Anggota-anggota yang hadir bersetuju sebulat suara melantik Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke-37.

#### **2.0 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-36 Bertarikh 23 Jun 2018**

Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36 bertarikh 23 Jun 2018 seperti terkandung di dalam muka surat 9 hingga 13 pada Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan untuk disahkan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) mencadangkan minit mesyuarat tersebut disahkan dengan pindaan di **Para 10.0 (a)(i) – Anggota Bersara** iaitu untuk mengeluarkan perkataan "menerima pencen bulanan" kerana perkataan ini telah dipersetujui untuk dikeluarkan pada

mesyuarat kali ke-34 yang lepas dan telah disokong oleh Encik Mohamad Irfan Bin Ngah Othman (Anggota No. 797). Anggota-anggota yang hadir bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut.

### **3.0 Membenteng Dan Menerima :-**

- a) Laporan Kemajuan Tahunan Sesi 2018/2019
- b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman

Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) membentengkan Laporan Kemajuan Tahunan Sesi 2018/2019 dari muka surat 19 hingga 31 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman pada muka surat 32 seperti tercatat pada Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah memberi pandangan bahawa laporan audit pengurusan perlu dibuat dan dibentengkan dalam mesyuarat agung. Namun, Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) memaklumkan bahawa, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tidak mensyaratkan audit pengurusan ini dibentengkan memandangkan pihak koperasi juga lewat menerima pandangan dari SKM untuk memastikan keperluan sesuatu laporan itu diletakkan dalam laporan tahunan.

Walaupun, pandangan ini boleh diambil kira dalam penambahbaikan laporan audit ini di masa akan datang.

Encik Omar Bin Shaari (Anggota No. 223) pula telah membangkitkan perkara di muka surat 29 iaitu mengenai Pembangunan Hartanah dan Kontrak. Beliau memberi pandangan bahawa projek perumahan di Simpang, Taiping dan Mukim Sungai Raia ini perlu diwar-warkan dan diperuntukan kepada ahli koperasi mengikut kemampuan ahli terlebih dahulu.

Setiausaha KOPERAK memaklumkan, projek pembangunan di Simpang, Taiping dan Mukim Sg. Raia adalah masih diperingkat awal perancangan. Sekiranya projek tersebut telah mendapat permit jualan dan lesen pemajuan, maka KOPERAK akan memaklumkan kepada anggota mengenai harga jualan dan keutamaan ditawarkan kepada anggota yang berminat.

Encik Omar Bin Shaari (Anggota No. 223) mencadangkan agar kedua-dua laporan tersebut diterima dan disokong oleh Encik Muhashamsani Bin Abdul Ghani (Anggota No. 885).

### **4.0 Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) telah membentengkan Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 33 hingga 74.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah meminta supaya semua pihak untuk merujuk kepada muka surat 49 (Nota 1); "Kegiatan utama KOPERAK adalah sebagai ejen yang memberi pembiayaan". Beliau memaklumkan jika mengikut kepada Undang-Undang Kecil Koperasi (para 8), fungsi utama KOPERAK adalah Koperasi kredit.

Bendahari memberi maklum balas bahawa perkara tersebut akan dirujuk kepada SKM terlebih dahulu. Sekiranya pihak SKM menetapkan untuk dibuat pindaan ke atas ayat tersebut, maka pihak koperasi akan membuat pindaan ke atas perkara tersebut tahun hadapan.

Selain itu, Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) juga telah meminta hadirin untuk merujuk kepada mukasurat 45 (Keuntungan Projek Hartanah). Beliau memohon penjelasan mengenai dua (2) perkara iaitu :

- a) Tiada pengiktirafan keuntungan hartanah pada tahun 2015 dan 2017 di dalam penyata pendapatan.
- b) Angka-angka keuntungan dari projek hartanah tahun-tahun sebelum ini digunakan sebagai pengimbang untuk kiraan keuntungan pada tahun berkenaan.

**Penjelasan dari Bendahari KOPERAK, bahawa :**

Pengiktirafan keuntungan hartanah terbahagi kepada dua (2) iaitu pelupusan tanah dan pembangunan tanah. Namun pengiktirafan sesuatu projek itu adalah berbeza mengikut tahun di mana, apabila kita mengenalpasti sesuatu projek itu agak sukar untuk dibangunkan dan permintaan pasaran yang agak rendah, kita akan memutuskan mekanisma pembangunan tanah tersebut dalam memastikan penyata kewangan dibentangkan selaras dengan prinsip-prinsip perakaunan. Keuntungan hartanah ini membantu dalam pengiktirafan dividen tahunan kepada anggota.

**Penjelasan tambahan dari Timbalan Pengerusi KOPERAK, bahawa :**

Bagi memastikan penyata pendapatan KOPERAK di dalam keadaan yang seimbang dan stabil, pendapatan dari projek hartanah ini memainkan peranan penting agar hutang di akaun dapat diselesaikan serta dapat membantu aliran tunai KOPERAK tanpa sebarang unsur yang menyalahi tatacara dan prinsip-prinsip perakaunan.

Di antara tindakan proaktif yang telah diambil oleh KOPERAK adalah dengan mengenalpasti tanah-tanah PKNP yang berpotensi untuk di “*off-set*” kepada KOPERAK sebagai bayaran kontra hutang Kumpulan PKNP dengan KOPERAK bagi mengurangkan nilai hutang di dalam akaun KOPERAK untuk setiap tahun. Sehubungan itu, setiap nilai transaksi yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan beraudit telah dijustifikasikan oleh pihak juruaudit. Matlamat KOPERAK adalah untuk memaksimumkan pelaburan anggota-anggota melalui pulangan dividen.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah mengambil maklum setiap maklumbalas tersebut dan sekaligus mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 diluluskan dan disokong oleh Encik Khairul Salleh Bin Abdul Rahim (Anggota No. 583).

## **5.0 Menimbang Dan Meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2018**

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) telah membentangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2018 di muka surat 43 untuk kelulusan dengan cadangan pembayaran dividen sebanyak 10%.

Tuan Syed Azman Bin Syed Khalid (Anggota No. 640) telah mencadangkan untuk diluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan disokong oleh Encik Khairul Salleh Bin Abdul Rahim (Anggota No. 583).

## **6.0 Menimbang Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2020**

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) seterusnya membentangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2020 seperti yang terkandung di muka surat 75 hingga 77 Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan untuk kelulusan.

Encik Rohizad Bin Ariffin (Anggota No. 938) telah mencadangkan untuk diluluskan dan disokong oleh YM Raja Azhar Bin Raja Ayob (Anggota No. 741).

## **7.0 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK**

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK sebanyak RM15 juta untuk dipertimbang dan diluluskan oleh anggota.

Encik Mohd Shafferi Bin Ngah Othman (Anggota No. 232) mencadangkan perkara tersebut diluluskan dan disokong oleh YM Raja Azhar Bin Raja Ayob (Anggota No. 241).

## **8.0 Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK**

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) mencadangkan perkara di atas dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta untuk dipertimbang dan diluluskan oleh anggota.

Encik Umar Bin Abu (Anggota No. 302) telah mencadangkan perkara tersebut diluluskan dan disokong oleh Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360).

## **9.0 Meluluskan Perlantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Empat (4) Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun KOPERAK Tahun 2019**

Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) membentangkan empat (4) calon panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK bagi tahun 2019 untuk dipilih oleh anggota dan mencadangkan supaya mesyuarat memberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk melantik satu (1) firma juruaudit yang berkeelayakan untuk melaksanakan pengauditan akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Encik Tahiruddin Bin Shamsudin (Anggota No. 531) mencadangkan perkara di atas diterima dan disokong oleh Encik Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin (Anggota No. 995).

## **10.0 Membahaskan Usul-Usul Yang Disampaikan Kepada Setiausaha KOPERAK Pada Atau Sebelum 7 Hari Mesyuarat Agung Tahunan**

Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) memaklumkan sehingga tarikh tutup usul pada 21 Jun 2019, terdapat dua (2) usul yang diterima daripada Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) untuk dibahaskan dan satu (1) cadangan daripada Puan Fausiah Binti Adham (Anggota No. 394) seperti berikut:

a) Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No.: 580)

**Perkara 1:**

Cadangan untuk meminda Fasal 67 (1) iaitu; Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada “enam (6) bulan sebelum akhir tahun kewangan” menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya.

**Usul Untuk Pindaan :**

Usul untuk mengeluarkan perkataan “enam (6) bulan sebelum akhir tahun kewangan” kepada “tarikh akhir tahun kewangan”

**Ulasan KOPERAK :**

Bendahari, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) memaklumkan tiada halangan bagi pindaan tersebut namun, ia perlu disemak terlebih dahulu dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

**Perkara 2:**

Perkiraan peratusan yang diterterakan adalah berdasarkan Akaun berakhir 31 Disember kecuali dividen di mana perkiraannya berdasarkan “..Syer dan yuran kepunyaan anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan..” Ini bermakna Dividen yang dibayar terhad kepada caruman anggota pada 30 Jun bukannya 31 Disember,

**Usul Untuk Pindaan :**

Mengusulkan pindaan pada para 67 (1) supaya dividen dikira berdasarkan syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada tarikh 31 Disember.

**Ulasan KOPERAK :**

Bendahari, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) memaklumkan bahawa perkara berikut adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil KOPERAK. Walaubagaimanapun pihak KOPERAK akan mendapatkan pandangan dan ulasan SKM berkaitan usul tersebut kerana melibatkan pindaan Undang-Undang Kecil KOPERAK.

- b) Puan Fausiah Binti Adham (Anggota No. 394)

**Perkara 1 :**

Sepertimana ketetapan oleh pihak KOPERAK mengenai sumbangan Tabung Khairat Kematian, pemberian sumbangan tersebut diberikan kepada hanya salah seorang ahli Koperasi sahaja jika melibatkan kematian ibu/bapa ahli tersebut dimana adik beradik merupakan ahli Koperasi.

**Ulasan KOPERAK**

Setiausaha KOPERAK, Encik Sharifudin Bin Yacob (Anggota No. 632) memaklumkan kertas cadangan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Anggota Lembaga.

### 11.0 Mengisytiharkan Keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK

Ketua Jawatankuasa Pengiraan Undi, Encik Zaikal Zikry Bin Mansor (Anggota No. 1006) telah mengisytiharkan keputusan undian pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota	Butiran
1.	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim	768	Lantikan semula
2.	Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias	105	Lantikan semula
3.	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan	791	Lantikan semula
4.	Encik Mohd Helmi Bin Johor	764	Lantikan baru
5.	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720	Simpanan
6.	Encik Mohd Faizal Bin Nayan	772	Simpanan
7.	Encik Muhammad Rossairi Bin Ruslan	819	Simpanan

### 12.0 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam (6) Orang Anggota Dan Empat (4) Orang Anggota Lembaga Untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37

Pengerusi Mesyuarat, Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) memaklumkan bahawa mesyuarat perlu melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga KOPERAK untuk menentukan sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37.

Bagi memilih empat (4) orang wakil daripada Anggota Lembaga KOPERAK, anggota sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk membuat perantukan di kalangan mereka.

Bagi memilih enam (6) anggota bagi menganggotai jawatankuasa, mesyuarat sebulat suara mengekalkan lima (5) anggota jawatankuasa sedia ada iaitu Encik Mohd. Shafferi Bin Ngah Othman (Anggota No. 232), Encik Omar Bin Shaari (Anggota No. 223), Encik Mior Faidz Bin Wahid (Anggota No. 335), Encik Mohd Faizal Bin Nayan (Anggota no. 772) dan Encik Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin (Anggota No. 995)

Manakala bagi anggota keenam (6), Encik Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin (Anggota No. 995) telah mencadangkan Encik Noor Zulizzi Bin Mohd Noor (Anggota No. 916) dan disokong oleh Mohamad Irfan Bin Ngah Othman (Anggota No. 797).

### 13.0 Penutup

Pengerusi Mesyuarat Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua anggota yang hadir dan memberi kerjasama serta komitmen dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke-37 ini. Mesyuarat ditamatkan pada jam 1.15 petang

Disediakan oleh :-



(SHARIFUDIN BIN YACOB)

Setiausaha,

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 telah ditentukan sahnya melalui Mesyuarat Menentu Sah Minit pada 15 Julai 2019, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat KOPERAK, 22A Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.




**(ABDUL RAHIM BIN BOHARI @ BAHARI)**  
Anggota Lembaga : 517



**(SHARIFUDIN BIN YACOB)**  
Anggota Lembaga : 632



**(KAMARUL BAHRIN BIN BAHARUDIN)**  
Anggota Lembaga : 618




**(MOHD HELMI BIN JOHOR)**  
Anggota Lembaga : 764



**(MOHD SHAFFERI BIN NGAH OTHMAN)**  
Anggota : 232



**(OMAR BIN SHAARI)**  
Anggota : 223



**(MIOR FAIZ BIN WAHID)**  
Anggota : 335



**(MOHD FAIZAL BIN NAYAN)**  
Anggota : 772



**(NOOR ZULIZZI BIN MOHD NOOR)**  
Anggota : 916



**(MIOR MUHAMAD AMIR  
BIN MIOR SHAHRIN)**  
Anggota : 995

# SENARAI ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2020/2021

## ANGGOTA LEMBAGA

<b>PENGERUSI</b>	Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT
<b>TIMBALAN PENGERUSI</b>	Encik Abdul Rahim Bin Bohari @ Bahari, AMP
<b>SETIAUSAHA</b>	Puan Alya Binti Mohamad Safran
<b>BENDAHARI</b>	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin
	Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria, PPT
	Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh
	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim
	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan
	Encik Mohamad Hafiz Bin Sulaiman
	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi
	Encik Mohd Helmi Bin Johor
	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman

## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Encik Arif Fadillah Bin Shamlan

Encik Zaikal Zikry Bin Mansor

Puan Ika Riana Binti Kamarudin

# LAPORAN KEMAJUAN 2020

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera,

Anggota-anggota KOPERAK yang dihormati,

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke-39 secara virtual dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Atas rasa penuh kesyukuran dan tanggungjawab, Anggota Lembaga KOPERAK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Kemajuan bagi Sesi 2020/2021 dan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 ini.

## 1. Perlantikan Anggota Lembaga

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa tiada Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan dalam tahun 2020. Sehubungan dengan itu, tiada Anggota Lembaga yang gugur pada tahun 2020 selaras arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sehubungan dengan itu, kesemua Anggota Lembaga yang gugur pada tahun 2020 dan 2021 akan gugur bersekali pada tahun ini.

Senarai Anggota Lembaga yang gugur pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39

### Tahun 2020

Bil	Nama
i)	Encik Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari
ii)	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin
iii)	Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh
iv)	Puan Alya Binti Mohamad Safran

### Tahun 2021

Bil	Nama
i)	Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria
ii)	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi
iii)	Allahyarham Sharifudin Bin Yacob / Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman
iv)	Encik Mohamad Hafiz Bin Sulaiman

## 2. Jawatankuasa Audit Dalaman


Selaras dengan seksyen 42A(1) Akta Koperasi Pindaan 2007, Anggota Lembaga telah melantik penama-penama di bawah sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2020.

Bil	Jawatankuasa Audit Dalaman	Anggota No
i)	Encik Arif Fadillah Bin Shamlan	920
ii)	Encik Zaikal Zikry Bin Mansor	1006
iii)	Puan Ika Riana Binti Kamarudin	815


## 3. Mesyuarat Anggota Lembaga KOPERAK

Bagi tempoh sesi 2020/2021 Mesyuarat Anggota Lembaga telah diadakan sebanyak enam (6) kali, dengan kehadiran seperti berikut :-

Bil	Nama/Jawatan	2020/2021						Jumlah hadir
		14/7	7/10	18/3	9/7	3/8	7/9	
a)	Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT <b>Pengerusi</b>	✓	✓	✓	✗	✓	✓	5/6
b)	Encik Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari, AMP <b>Timbalan Pengerusi</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6/6
c)	Puan Alya Binti Mohamad Safran <b>Setiausaha</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6/6
d)	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin <b>Bendahari</b>	✓	✗	✓	✓	✓	✓	5/6
e)	Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6/6
f)	Encik Mior Shaifudddin Bin Zakaria, PPT <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✓	✓	✓	✗	✓	5/6
g)	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✗	✓	✓	✓	✓	5/6
h)	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✓	✗	✓	✓	✓	5/6
i)	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi <b>Anggota Lembaga</b>	✗	✗	✗	✓	✓	✓	3/6
j)	Encik Muhamad Hafiz Bin Sulaiman <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✗	✓	✓	✗	✓	4/6
k)	Encik Mohd Helmi Bin Johor <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✗	✓	✗	✓	✓	4/6
l)	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman <b>Anggota Lembaga</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6/6



Hadir



Tidak Hadir (dengan maaf)

#### 4. Kakitangan KOPERAK

Bagi Sesi 2020/2021 KOPERAK mempunyai seramai lapan (8) orang Kakitangan Tetap dan satu (1) orang Kakitangan Kontrak seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
(i)	Puan Che Wan Binti Hashim	Pengurus KOPERAK
(ii)	Encik Mohd Najib Bin Mat Lazim	Pengurus Stesen Minyak (Bersara pada 31 Mei 2021)
(iii)	Puan Rodiah Binti Mat Sum	Ketua Kerani
(iv)	Puan Nur Faizah Binti Abd Hamid	Eksekutif Kanan
(v)	Cik Nurul Amirah Binti Mohamad Fadzil	Kerani Am
(vi)	Cik Nurul Ammelina Izlin Binti Zulkifli	Kerani Kewangan
(vii)	Encik Mohamad Tharwan Bin Ahmad Sukri	Pembantu Pejabat (Berhenti pada 30 April 2021)
(viii)	Encik Muhammad Syamil Bin Mohd Nor Azman	Pembantu Pejabat (Kontrak)

# LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA TAHUN 2020

## 1. JAWATANKUASA PEMANTAUAN, KEWANGAN & AKAUN

**Pengerusi** : **Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin**

Jawatankuasa : Puan Alya Binti Mohamad Safran  
Encik Mohd Helmi Bin Johor  
Puan Che Wan Binti Hashim

Jawatankuasa ini telah diwujudkan di dalam Anggota Lembaga KOPERAK bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan di dalam aspek kewangan, akaun, perniagaan, pentadbiran dan aktiviti KOPERAK.

Di samping itu, jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penasihat kepada semua jawatankuasa-jawatankuasa lain bagi memastikan perjalanan setiap jawatankuasa dalam membangunkan aktiviti jawatankuasa masing-masing mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil KOPERAK dan Akta Koperasi 1993.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyemak dan menyelia kedudukan kewangan dan akaun bulanan dan tahunan KOPERAK dan Kumpulannya, bagi memastikan semuanya berjalan lancar untuk menyokong kesemua aktiviti yang dirancang dari semasa ke semasa.

## 2. JAWATANKUASA PENTADBIRAN, SUMBER MANUSIA DAN UNDANG-UNDANG

**Pengerusi** : **Puan Alya Binti Mohamad Safran**

Jawatankuasa : Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin  
Puan Che Wan Binti Hashim

Jawatankuasa ini dari semasa ke semasa cuba mempertingkatkan sistem pentadbiran KOPERAK ke satu tahap yang lebih baik dan sistematik melalui penambahbaikan sumber tenaga manusia sediaada dan ditambah baik mengikut keperluan semasa.

Sistem yang dilaksanakan berlandaskan Undang-Undang Koperasi menjadi tunggak KOPERAK untuk menjadi sebuah koperasi yang berada di atas landasan yang sewajarnya.

Dalam tahun 2020, tiada kursus atau seminar secara nyata dihadiri oleh anggota KOPERAK. Pihak Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan

Malaysia Berhad (ANGKASA) turut menganjurkan seminar secara atas talian dan KOPERAK turut mewar-warkan kepada semua anggota. Walaubagaimanapun ianya kurang mendapat sambutan disebabkan pandemik Covid-19.

KOPERAK sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggotanya dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

### 3. JAWATANKUASA PENGURUSAN PEMBIAYAAN DAN KEBAJIKAN ANGGOTA

**Pengerusi** : **Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman**

Jawatankuasa : Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin  
Puan Che Wan Binti Hashim  
Puan Rodiah Binti Mat Sum

Dalam Sesi 2020/2021 KOPERAK telah membelanjakan sebanyak RM817,216.07 bagi urusan pembiayaan perbelanjaan pendidikan, perubatan, perkahwinan dan perbelanjaan tunai kepada seramai 55 orang anggota.

KOPERAK juga telah membelanjakan sebanyak RM40,710.00 sepanjang sesi 2020/2021 melalui Tabungan KOPERAK kepada anggota dan keluarga anggota bagi tujuan sumbangan pendidikan, umrah, haji, perkahwinan, kelahiran anak pertama, berkhatan anak lelaki, masuk wad, bencana dan musibah serta kematian anggota dan ahli keluarga dengan butiran seperti berikut :-

#### A. TABUNG PENDIDIKAN

##### i) PT3 7A ke atas (RM200.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Nur Badrina Binti Azmi	Nur Samsiah Binti Majid	664
2.	Muhammad Aqil Bazli Bin Jafni	Rozita Binti Hawari	956

##### ii) Sijil Pelajaran Malaysia 8A (RM300.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Wan Nur Aisyah Binti Wan Muhammad	Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa	678
2.	Nur Kamilia Binti Kamarul Nadzimuddin	Kamarul Nadzimuddin Bin Ismail	977
3.	Ummi Safiyah Binti Kamaruddin	Rohani Binti Abd Samad	330
4.	Adam Hakimi Bin Mustaza	Mustaza Bin Mustafa	947
5.	Muhamad Danish Bin Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828

##### iii) Sijil Pelajaran Malaysia 5A-7A (RM250.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Nurul Ain Binti Mohd Safferi	Mohd Shafferi Bin Ngah Othman	232
2.	Qistina Balqis Binti Md Shaizatul Azam	Md Shaizatul Azam Bin Che Soda	1005
3.	Muhammad Ammar Bin Izzudin	Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720
4.	Aishah Solehah Adzan Binti Azman	Azman Bin Hamid	765

**iv) Matrikulasi / Asasi (RM350.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Wan Nur Aisyah Binti Wan Muhammad	Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa	678
2.	Nur Kamilia Binti Kamarul Nadzimuddin	Kamarul Nadzimuddin Bin Ismail	977
3.	Mior Muhammad Hajid Bin Mior Faidz	Mior Faidz Bin Wahid	335
4.	Nurul Ain Binti Mohd Safferi	Mohd Shafferi Bin Ngah Othman	232
5.	Qistina Balqis Binti Md Shaizatul Azam	Md Shaizatul Azam Bin Che Soda	1005
6.	Adam Hakimi Bin Mustaza	Mustaza Bin Mustafa	947
7.	Muhamad Danish Bin Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828
8.	Muhammad Ammar Bin Izzudin	Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720
9.	Aishah Solehah Adzan Binti Azman	Azman Bin Hamid	765

**v) Institut Pengajian Tinggi – Diploma (RM350.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Aliya Binti Azizul	Zawiyah Binti Ghazali	523
2.	Umami Safiyah Binti Kamaruddin	Rohani Binti Abd Samad	330
3.	Muhamad Nur 'Imaddudin Bin Najmullail	Najmullail Bin Omaruddin	769
4.	Muhamad Syafiq Bin Muhamad Feroz	Elina Binti Abu Zahar	844
5.	Umaira Marssilaaisyah Binti Omar Baki	Rusilawati Binti Mustafa	482
6.	Nur Aina Nazeera Binti Mohd Suhaimi	Mohd Suhaimi Bin Md Noor	228
7.	Muhammad Danial Haikal Bin Shahrul Rizal	Shahrul Rizal Bin Sharifudin	820
8.	Muhammad Faris Irfan Bin Mohd Noh	Suriani Binti Zainal Abidin	756

**vi) Institut Pengajian Tinggi – Ijazah Sarjana Muda (RM500.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Aina Yasmin Farhan Binti Mior Karim	Mior Karim Bin Mohd Yusof	766
2.	Puteri Nur Aisyah Binti Mazlan	Mazlan Bin Shamsuddin	296
3.	Nurul Nadhirah Binti Mohd Khair	Norliza Binti Mohamad	481
4.	Syed Mohamad Syakir Bin Syed Cholan	Syed Cholan Bin Syed Hitam	134
5.	Nur Najwa Sabrina Binti Ahmad	Jamaliah Binti Mustapa	871
6.	Syammirul Danish Fitri Bin Ahmad	Jamaliah Binti Mustapa	871
7.	Muhamad Aiman Bin Azhar	Azhar Bin Raais	306
8.	Nur Izzati Binti Mohamad Idris	Fausiah Binti Adham	394
9.	Nur 'Aisyah Binti Najmullail	Najmullail Bin Omaruddin	769
10.	Ain Batrisyia Binti Jafni	Rozita Binti Hawari	956
11.	Sayed Irfan Bin Syed Shariffuddin	Sayed Shariffuddin Bin S Shamsuddin	502
12.	Nurulain Faqihah Binti Madzlan	Hafiza Binti Ramli	507
13.	Muhammad Rahimi Bin Rosidi Falid	Lailatussaadah Binti Abd Hamid	576
14.	Anis Syazwani Binti Abd Majid	Abd Majid Bin Othman	89

**vii) Institut Pengajian Tinggi – Ijazah Sarjana (RM350.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	No Anggota
1.	Puteri Nurul Izzati Binti Mazlan	Mazlan Bin Shamsuddin	296
2.	-	Nurzia Binti Mohamad Yusuf	850

**viii) Sumbangan Kurma Kepada Anggota – RM6,060.00**

**B) TABUNG BENCANA DAN MUSIBAH**

- i) **SUMBANGAN MASUK WAD 3 HARI 2 MALAM ATAU LEBIH**  
ii) **COVID-19 DAN KUARANTIN COVID-19**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>No Anggota</b>	<b>Perkara</b>
1.	Aziz Jaafar Bin Zakaria	728	Masuk Wad
2.	Wan Muhamad Bin Wan Mohd Isa	678	Masuk Wad
3.	Mohd Hasnawi Bin Zainal Abidin	780	Masuk Wad
4.	Ahmad Faisal Bin Ibrahim	607	Masuk Wad
5.	Khairul Anuar Bin Che Din	957	Masuk Wad
6.	Rizal Bin Abdul Hamid	757	Masuk Wad
7.	Umar Bin Abu	302	Masuk Wad
8.	Fadhlan Bin Hod	894	Masuk Wad
9.	Ahmad Hisham Bin Saad	771	Masuk Wad
10.	Mohd Fadzil Bin Abu Bakar	855	Masuk Wad
11.	Khalijah Salwa Binti Ibrahim	510	Masuk Wad
12.	Afzan Ameir Bin Saedin	1042	Masuk Wad
13.	Suffian Bin Zainan	1098	Masuk Wad
14.	Mohamed Yusof Bin Mohd Nordin	730	Masuk Wad
15.	Norlydiana Binti Haris Phadzilah	740	Masuk Wad
16.	Mohd Shafferi Bin Ngah Othman	232	Masuk Wad
17.	Noraini Binti Nasir	897	Masuk Wad
18.	Lee Kah Jin	1069	Masuk Wad
19.	Nur Adina Furzanne Binti Abdullah	836	Masuk Wad
20.	Mariatulkhightiah Binti Khaliddi	1104	Masuk Wad
21.	Nadiyah Binti Omar Baki	918	Masuk Wad
22.	Rashidah Nadiyah Binti Mohamad Rossidi	1046	Covid-19
23.	Nur Dini Binti Ibrahim	891	Covid-19
24.	Muhazli Bin Mohd Saaid	859	Covid-19
25.	Umar Bin Abu	302	Covid-19
26.	Mohd Taher Bin Madan	321	Covid-19
27.	Puteh Kushariah Binti Nadzri	723	PKPD
28.	Mohamad Najib Bin Mat Lazim	116	PKPD
29.	Norehan Binti Abdul Rahman	624	PKPD
30.	Norulazuan Bin Muhammad	769	PKPD
31.	Nur Faizah Binti Abd Hamid	835	PKPD
32.	Abdul Rais Bin Abdul Rashid	534	PKPD
33.	Alaudin Bin Hashim	588	PKPD
34.	Halimatun Saadah Binti Mior Zanal Abidin	276	PKPD
35.	Mohd Suhaimi Bin Md Noor	228	PKPD
36.	Mustaza Bin Abdul Aziz	332	PKPD
37.	Zarina Binti Chik Ri	577	PKPD
38.	Ahmad Nazri Bin Saidin	600	PKPD
39.	Wan Hamdan Bin Wan Mat Isa	605	PKPD
40.	Kamarudin Bin Abd Rahman	555	PKPD
41.	Saluga Bin Abdul Hamid	811	PKPD
42.	Azhar Bin Raais	306	PKPD
43.	Sayed Mohd Zaris Bin Sayed Osman	525	PKPD
44.	Mohamad Amirul Bin Basharudin	707	PKPD
45.	Kamarudin Bin Abd Rahman	555	PKPD

**C) TABUNG KHAI RAT KEMATIAN DAN EHSAN****SUMBANGAN KEMATIAN ANGGOTA DAN KELUARGA ANGGOTA/UMRAH/HAJI**

Bil	Nama	No Anggota	Perkara
1.	Mohammed Jamil Bin Zainuldin	299	Kematian Bapa
2.	Noradidah Binti Mokhtar	125	Kematian Bapa
3.	Ahmad Faisal Bin Ibrahim	607	Kematian Bapa
4.	Muhammad Isiaq Bin Shaiful Hisham	877	Kematian Bapa
5.	Jamaliah Binti Mustapha	871	Kematian Bapa
6.	Nazrie Bin Shaaban	954	Kematian Bapa
7.	Nur Azura Binti Abdul Khamin	645	Kematian Ibu
8.	Shamsul Azmir Bin Nawawi	806	Kematian Ibu
9.	Nor Rashidah Binti Mohamad Salleh	876	Kematian Ibu
10.	Maheswaran A/L Kuppusamy	401	Kematian Ibu
11.	Ajinah Binti Aziri	668	Kematian Ibu
12.	Rusenani Binti Shamsudin	93	Kematian Suami
13.	Azizi Bin Ayub	141	Kematian Isteri
14.	Noor Ruzana Binti Noor Rashid	922	Umrah
15.	Qamarul Ariffin Bin Sahid	1035	Umrah

**D) TABUNG KEBAJIKAN AM****PERKAHWINAN, KELAHIRAN ANAK PERTAMA DAN BERKHATAN ANAK LELAKI**

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Perkara
1.	Aerma Hayatie Binti Azman	966	Kelahiran Anak Pertama
2.	Muhamad Azizi Bin Muhamad Idrus Shaidi	1072	Kelahiran Anak Pertama
3.	Muhamad Asbullah Bin Azmi	1000	Kelahiran Anak Pertama
4.	Mohamad Harris Fitri Bin Mohamad Fadzir	1094	Kelahiran Anak Pertama
5.	Muhammad Anwar Firdaus Bin Zainal Arif	943	Kelahiran Anak Pertama
6.	Nur Aida Binti Abdullah	1073	Kelahiran Anak Pertama
7.	Muhammad Anwar Firdaus Bin Zainal Arif	943	Perkahwinan
8.	Rashidah Nadiyah Binti Mohamad Rossidi	1046	Perkahwinan
9.	Rohaiza Binti Mohamed	814	Perkahwinan
10.	Ahmad Zulhili Bin Zainal Abidin	1002	Perkahwinan
11.	Nor' Afifah Binti Mohd Latib	847	Perkahwinan
12.	Mohammad Helmi Bin Jamaludin	1043	Perkahwinan
13.	Nur Faizah Binti Abd Hamid	835	Perkahwinan
14.	Fatin Zafirah Binti Fadil Marzuki	845	Perkahwinan
15.	Mohammad Hazrul Rozaidi Bin Abdul Manan	1029	Perkahwinan
16.	Nur Aida Binti Abdullah	1073	Perkahwinan
17.	Liyana Binti Mohd Hassan	1015	Anak Berkhatan
18.	Zolkefli Bin Idris	182	Pelarasn Tabungan

#### 4. JAWATANKUASA PERKHIDMATAN INSURANS

**Pengerusi** : **Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi**

Jawatankuasa : Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin  
Puan Che Wan Binti Hashim  
Puan Nur Faizah Binti Abd Hamid

Alhamdulillah sehingga tahun ini Perniagaan Insurans masih lagi relevan menjadi salah satu penyumbang kepada pendapatan KOPERAK. Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi oleh setiap syarikat insurans akibat daripada pandemik Covid-19 ini, syarikat insurans yang diwakili oleh KOPERAK masih mampu memberikan perkhidmatan terbaik dan menawarkan pelbagai produk-produk baru untuk bertahan dalam industri ini.

KOPERAK masih mewakili syarikat-syarikat insurans terbaik iaitu :-

- i) Takaful Ikhlas Berhad
- ii) Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- iii) Etiqa Takaful Berhad

Syarikat-syarikat insurans yang diwakili oleh KOPERAK sentiasa membantu dan memberikan komitmen kepada KOPERAK agar KOPERAK dapat menjadi antara ejen yang terbaik. Kursus serta latihan secara dalam talian yang konsisten membantu dalam memenuhi permintaan dan perubahan dalam keperluan pasaran dari semasa ke semasa.

Selain itu, KOPERAK sentiasa berusaha untuk menambahbaik dalam memberikan perkhidmatan kepada anggota-anggota serta pelanggan-pelanggan dari pengeluaran sebutharga insurans kenderaan, tuntutan dan lain-lain produk insurans. Selaras dengan kemajuan teknologi semasa, anggota-anggota hanya perlu menghantar e-mel atau pesanan melalui aplikasi "Whatsapp" untuk mendapatkan perkhidmatan insurans dari KOPERAK.

Wujudnya lambakan produk-produk yang baru dalam pasaran juga mendorong KOPERAK sentiasa bersedia untuk bersaing dan berkongsi dengan anggota-anggota serta pelanggan-pelanggannya.

Bagi menghargai sokongan anggota-anggota KOPERAK, KOPERAK memberikan kemudahan bayaran premium insurans melalui potongan gaji bulanan yang terbuka kepada semua anggota. Untuk tahun 2020, KOPERAK masih memberikan perlindungan insurans Takaful Kelompok untuk setiap anggota-anggotanya serta pasangan (pilihan).

KOPERAK sekali lagi telah memilih Takaful Ikhlas General Berhad sebagai prinsipal untuk perlindungan ini. Terdapat 2 tuntutan kematian telah dibuat dan bayaran telah dibayar kepada waris iaitu :-

- i) Allahyarham Zaharudin Bin Ghani iaitu pasangan kepada anggota KOPERAK Puan Rusenani Binti Shamsuddin No Anggota 93.
- ii) Allahyarhamah Serihah Binti Che Ani iaitu pasangan kepada anggota KOPERAK Encik Mohd Noor Azizi Bin Ayub No Anggota 141.

## 5. JAWATANKUASA PENGURUSAN HARTANAH & KONTRAK

**Pengerusi** : **Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim**

**Jawatankuasa** : Puan Alya Binti Mohamad Safran  
Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh  
Puan Che Wan Binti Hashim

### A) Stesen Minyak Lebu Meru Raya

Sehingga kini stesen Minyak Lebu Meru Raya tidak dapat beroperasi disebabkan surat sokongan daripada pihak Indah Water Konsortium (IWK) belum diterima oleh kerana penyerahan paip pembedungan utama masih di dalam tindakan untuk penyerahan oleh pihak PCBDD sebagai pemaju utama Bandar Meru Raya.

Walaupun bagaimanapun, pihak PCBDD telah memberikan kerjasama dalam memastikan stesen minyak milik KOPERAK dapat memulakan operasi secepat yang mungkin. Pihak PCBDD telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih paip pembedungan utama dan kini dalam proses dokumentasi permohonan sehingga mendapatkan surat sokongan daripada pihak IWK.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh KOPERAK yang turut mendapat sokongan pihak Petronas Dagangan Berhad (PDB) bagi memastikan operasi stesen minyak dapat dimulakan selepas lebih setahun tergendala.

Sekiranya pihak PCBDD memperolehi surat sokongan untuk paip pembedungan utama daripada IWK, KOPERAK seterusnya akan mengemukakan permohonan PDC8 untuk mendapatkan surat sokongan daripada IWK bagi tapak stesen minyak milik KOPERAK dan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) akan diperolehi.

KOPERAK juga perlu mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan stesen minyak dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas memperolehi CCC. Walaupun bagaimanapun, kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang masih berterusan menyukarkan kerja-kerja ini dilaksanakan dalam tempoh seperti yang telah dirancang.

## **B) Projek Perumahan Sg. Raia**

Pihak pemaju yang dilantik di dalam proses untuk mengemukakan semula kelulusan untuk Pelan Bangunan disebabkan terdapat beberapa pindaan dan ulasan daripada Jabatan-Jabatan Teknikal yang terlibat. Kerja-kerja permohonan semula juga tergendala disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

## **C) Projek Simpang**

Projek Pembangunan 6 unit Rumah Teres 2 tingkat di Taman Simpang Bakti Mukim Assam Kumbang Taiping telah pun mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kecuali daripada pihak Indah Water Konsortium (IWK) dan Majlis Perbandaran Taiping (Landskap).

Pihak Pemaju yang dilantik telah mengemukakan permohonan pelan kepada IWK dan Pelan Landskap kepada MPT bagi mendapatkan kelulusan sekaligus pembangunan dapat dijalankan dalam masa terdekat.

## **6. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PERTANIAN**

**Pengerusi** : **Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan**

**Jawatankuasa** : Puan Alya Binti Mohamad Safran  
Puan Che Wan Binti Hashim

### **A) Tanah Pertanian kelapa sawit di PT No. 5153 di Mukim Bidor, Daerah Batang Padang, Tapah Seluas 100 Ekar (40.46 Hektar)**

Tanah milik KOPERAK ini, diuruskan sewaan oleh anak syarikatnya Sikap Utama Sdn Bhd (SUSB).

Penyewa untuk tanah pertanian ini adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Nama Penyewa</b>	<b>Keluasan Ekar</b>
i)	Asas Kurnia Ekuiti Sdn Bhd	25.000
ii)	Asas Alia Farm (M) Sdn Bhd	60.000
iii)	Harudin Mohd Sharif	3.052
iv)	Tidak disewa (Berpaya)	11.948
	<b>Jumlah</b>	<b>100.000</b>

Kadar sewaan telah dinaikkan kepada RM110.00 seekar bermula Ogos 2020 berbanding sebelumnya adalah RM80.00 seekar.

## **B) Sewa Ruang Perniagaan Stesen Minyak Lebuh Meru Raya**

Pihak Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB) telah menghantar permohonan untuk menyewa Ruang Perniagaan di Stesen Lebuh Meru Raya kepada KOPERAK pada 19 Disember 2019. KOPERAK telah memberikan maklumbalas kepada pihak PIRSB dengan memohon pihak PIRSB untuk mengemukakan Konsep Perniagaan yang dicadangkan.

Pihak PIRSB telah mengemukakan cadangan perniagaan iaitu menjalankan perniagaan secara francais. Disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang berlanjutan hingga kini dan Stesen Minyak Lebuh Meru Raya masih belum lagi memulakan operasi perniagaannya menyebabkan cadangan perniagaan PIRSB juga terpaksa ditunda.

Insya Allah apabila Stesen Minyak Lebuh Meru Raya dibuka jalinan kerjasama antara KOPERAK dan PIRSB dapat diteruskan seperti yang dirancang.

## **7. JAWATANKUASA STESEN MINYAK BANDAR MERU RAYA**

**Pengerusi** : **Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria**


**Jawatankuasa** : Encik Mohamad Hafiz Bin Sulaiman  
Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin  
Puan Alya Binti Mohamad Safran  
Encik Mohamad Najib Bin Mat Lazim

Stesen Petronas Bandar Meru Raya (PSBMR) kini telah berusia seabad sejak beroperasi pada 23 Mac 2011.

Persekitaran Bandar Meru Raya yang semakin membangun dengan infrastruktur, industri kecil, pasar mini serta restoran-restoran telah memacu kepada kelestarian perniagaan di PSBMR dan dikenali oleh masyarakat setempat dengan kehadiran penjaja, pengusaha makanan dan pengusaha '*food truck*' yang turut mengambil peluang berniaga berhampiran PSBMR berdasarkan tumpuan orang ramai yang saban hari berkunjung ke stesen ini.

Pihak stesen juga turut bersama membantu masyarakat setempat dengan mengadakan program bersesuaian dalam masa pandemik COVID-19 ini seperti Program 'Moh Kongsi Rezeki' atau Gerobok Rezeki yang merupakan inisiatif stesen bagi merapatkan jurang ekonomi disamping membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Meskipun terjejas dengan norma baharu akibat penularan wabak COVID-19 di mana perniagaan PSBMR mencapai sekitar 30% daripada sasaran anggaran pendapatan tahunannya namun PSBMR masih meneruskan usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik selain menjadi antara penyedia servis stesen minyak utama bagi kawasan sekitar Bandar Meru Raya. Potensi PSBMR ini akan sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa dan pengurusan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pelanggan setia serta warga kerja stesen yang telah memberikan khidmat yang terbaik dan mendoakan PSBMR berjaya pada masa hadapan sebagai mercu tanda di Bandar Meru Raya. Insya Allah.



**Penjualan Minyak (Liter) PSBMR Sepanjang tahun 2020.**

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI DAN KUMPULAN BAGI TAHUN 2020

## 1. TUJUAN

Laporan tahunan ini disediakan adalah untuk memenuhi kehendak Seksyen 42(A) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan undang-undang kecil 53, Koperasi Perbadanan Perak Berhad untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-39

## 2. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JKAD)

Keanggotaan JKAD Koperasi terdiri daripada :-

- i) Encik Arif Fadillah Bin Shamlan
- ii) Encik Zaikal Zikry Bin Mansor
- iii) Puan Ika Riana Binti Kamarudin

## 3. SKOP AUDIT

Laporan yang dibuat adalah berdasarkan kepada hasil pengauditan terhadap hal ehwal kewangan, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti koperasi dan subsidiarinya yang dijalankan dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.

## 4. KESIMPULAN DAN ULASAN

Kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi dan subsidiari telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Perbadanan Perak Berhad.

## 5. PENGHARGAAN TERIMA KASIH

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan terutama dalam persekitaran norma baharu pasca pandemik Covid-19.



(Encik Arif Fadillah Bin Shamlan)  
Pengerusi JKAD



(Encik Zaikal Zikry Bin Mansor)  
Anggota JKAD



(Puan Ika Riana Binti Kamarudin)  
Anggota JKAD

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD  
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)**

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN  
31 DISEMBER 2020**

# **PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## **KANDUNGAN**

Maklumat Koperasi

Laporan Juruaudit Bebas

Laporan Berkanun Anggota Lembaga

Penyata Kewangan

    Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

    Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan

    Penyata Pendapatan

    Penyata Aliran Tunai Disatukan

    Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**MAKLUMAT KOPERASI**

Pengerusi	:	Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT
Timbalan Pengerusi	:	Abdul Rahim Bin Bohari @ Bahari, AMP
Setiausaha	:	Alya Binti Mohamad Safran
Bendahari	:	Kamarul Bahrin Bin Baharudin
Anggota Lembaga	:	Mior Shaifuddin Bin Zakaria, PPT Nor Azman Bin Mohd Salleh Megat Ghazali Bin Abdul Karim Isnor Fazni Binti Abu Hassan Aidee Radzwan Bin Rosidi Mohamad Hafiz Bin Sulaiman Mohd Helmi Bin Johor Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman
Jawatankuasa Audit Dalam	:	Zaikal Zikry Bin Mansor Arif Fadillah Bin Shamlan Ika Riana Binti Kamarudin (Dilantik pada 7 Disember 2020) Adi Azrul Bin Amir (Meletak jawatan pada 7 Disember 2020)
Alamat Pejabat Berdaftar	:	No. 22A, Jalan Meru Impian A1 Pusat Perniagaan Meru Impian Bandar Meru Raya 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan
Bank	:	Bank Islam Malaysia Berhad Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad CIMB Bank Berhad Malayan Banking Berhad
Juruaudit	:	ALJEFFRIDEAN PLT (LLP0022267-LCA & AF 1366) Akauntan Bertauliah (M) No. 1A, Jalan Meru Utama A1 Medan Meru Utama Bandar Meru Raya 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Pendapat ke atas Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Perbadanan Perak Berhad**, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan disatukan pada 31 Disember 2020, akaun pembahagian keuntungan disatukan, penyata pendapatan, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 42.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2020, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

**Asas bagi pendapat**

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan ini di bahagian "*Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan*". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

**Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika**

Kami bebas daripada Kumpulan dan Koperasi selaras dengan *Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("*Undang-Undang Kecil*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod-kod Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA")*, dan kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika-etika yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

**Lain-lain maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat yang terdiri daripada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, Laporan Lembaga dan Perutusan Pengerusi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan Laporan Juruaudit kami.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak termasuk Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, Laporan Lembaga dan Perutusan Pengerusi dan oleh itu kami tidak menyatakan sebarang pendapat berkaitan dengannya.

Pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi juga menghendaki kami untuk menyemak lain-lain maklumat tersebut bagi memastikan ia selari dengan penyata kewangan Koperasi dan tidak bercanggah dengan pengetahuan kami serta boleh menyebabkan lain-lain maklumat ini terdapat salah nyata yang material.

Kami dikehendaki untuk melaporkan jika terdapat salah nyata yang material ke atas lain-lain maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, tiada perkara yang perlu dilaporkan oleh kami.

### **Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengikut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyata kewangan yang disediakan bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Di dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi ini, Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi bagi meneruskan operasinya pada masa hadapan serta mendedahkan, jika berkaitan, perkara-perkara berhubung dengan keupayaan untuk meneruskan operasi Kumpulan dan Koperasi pada masa hadapan dan menggunakan asas tersebut melainkan Anggota Lembaga Koperasi berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Koperasi atau memberhentikan operasinya, atau tidak mempunyai cara-cara lain yang munasabah untuk berbuat demikian.

### **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk mendapat jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ini sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, perancangan dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Anggota Lembaga Koperasi menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Kumpulan dan Koperasi untuk berhenti sebagai satu usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan-ususniaga dan peristiwa-peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami telah melaporkan kepada Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara-perkara lain, skop kerja yang akan dilaksanakan, tempoh masa pengauditan dan penemuan-penemuan kami, termasuk sebarang kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa menjalankan kerja-kerja pengauditan.

#### **Laporan ke atas Keperluan Perundangan dan Kawal Selia**

Mengikut keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) Rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang serta perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi di dalam tahun kewangan berakhir ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan Pertubuhan Koperasi, 1995 di Malaysia, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

### Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa ada tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiari yang disatukan dengan penyata kewangan Koperasi adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan keterangan yang memuaskan bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran yang dibuat menurut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016.



**ALJEFFRIDEAN PLT**  
No: LLP0022267-LCA & AF1366  
Akauntan Bertauliah

Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 12 April 2021



**Mohd Neezal Noordin**  
SKM(B)0214  
Akauntan Bertauliah

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA**  
**MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI, 1993**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga **Koperasi Perbadanan Perak Berhad** dengan sukacitanya membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

Pada pendapat anggota lembaga koperasi, hasil kendalian koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa atau yang bersifat abnormal, selain daripada yang dinyatakan di dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

B) Koperasi bercadang mengeluarkan:

	<b>RM</b>
Dividen 10% (2019 : 10%)	259,881.55
Honorarium Anggota Lembaga	4,200.00

Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 disember 2020, tiada tanggungan luar jangka yang disanggupi oleh koperasi yang belum diselesaikan.

Anggota lembaga koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset dan liabiliti semasa yang ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan adalah munasabah.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti yang akan dikuatkuasakan dalam jangka masa dua belas bulan (12) dari 31 disember 2020 yang boleh menjejaskan keupayaan koperasi dalam memenuhi liabilitinya apabila tiba waktu.

Anggota lembaga koperasi bercadang mengagihkan sebahagian dari keuntungan koperasi kepada:

	<b>RM</b>
Peruntukan Cukai	15,000.00
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan (8%)	33,001.37
Kumpulan Wang Pendidikan (8%)	33,001.37
Kumpulan Wang Khairat Kematian (6%)	24,751.02
Kumpulan Wang Bencana & Musibah (10%)	41,251.71

**Laporan Berkanun Anggota Lembaga...samb.**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993.



Abd Karim Nast Bin Mohd Alias  
Pengerusi



Alya Binti Mohd Safran  
Setiasaha



Kamarul Bahrin Bin Baharudin  
Bendahari

Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 12 April 2021

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2020**

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>					
Perabut dan Kelengkapan	5	27,846.59	26,967.03	27,846.59	26,967.03
Peralatan Pejabat	5	25,225.62	19,611.02	25,225.62	19,611.02
Rumah Kedai	5	880,742.60	903,635.25	880,742.60	903,635.25
Aset Stesen Minyak Petronas (PSS)	5	5.00	5.00	5.00	5.00
		<u>933,819.81</u>	<u>950,218.30</u>	<u>933,819.81</u>	<u>950,218.30</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Pelaburan Syer Siar Harga	6	25,226.55	75,004.00	20,472.00	71,233.15
Pelaburan Syer Taksir Harga	7	2,000.00	2,000.00	2,000.00	2,000.00
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	10,000.00	10,000.00
Pembiayaan Anggota	9	2,147,097.28	2,407,955.97	2,147,097.28	2,407,955.97
Kos Pembangunan	10	7,769,791.39	5,643,029.11	7,769,791.39	5,643,029.11
		<u>9,944,115.22</u>	<u>8,127,989.08</u>	<u>9,949,360.67</u>	<u>8,134,218.23</u>
<b>ASET SEMASA</b>					
Pembiayaan Anggota	9	758,340.00	905,127.60	758,340.00	905,127.60
Terhutang oleh Syarikat Subsidiari	8	-	-	116,265.15	40,767.11
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	11	3,489.54	3,489.54	3,489.54	3,489.54
Penghutang Perdagangan	12	259,778.62	222,657.86	250,778.62	213,657.86
Pelbagai Penghutang dan Deposit	13	186,969.94	236,129.34	144,708.65	205,312.81
Simpanan Tetap	14	290,639.23	134,742.21	150,000.00	-
Stok (Minyak & Kedai Mesra)	15	34,098.97	100,171.35	34,098.97	100,171.35
Tunai di Bank dan di Tangan	16	1,117,036.70	2,110,681.31	941,099.03	2,064,811.90
		<u>2,650,353.00</u>	<u>3,712,999.21</u>	<u>2,398,779.96</u>	<u>3,533,338.17</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u><u>13,528,288.03</u></u>	<u><u>12,791,206.59</u></u>	<u><u>13,281,960.44</u></u>	<u><u>12,617,774.70</u></u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan...samb.**

NOTA	KUMPULAN		KOPERASI		
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM	
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>					
<b>DIBIYAI OLEH</b>					
Modal Yuran Anggota	17	2,645,364.63	2,444,598.64	2,645,364.63	2,444,598.64
Modal Syer Anggota	18	63,653.00	64,453.00	63,653.00	64,453.00
Modal Syer Ditebus	19	44,102.46	46,802.46	44,102.46	46,802.46
Kumpulan Wang Bencana Musibah	20	43,181.55	7,518.83	43,181.55	7,518.83
Kumpulan Wang Penebusan Syer	21	39,978.89	37,278.89	39,978.89	37,278.89
Kumpulan Wang Pendidikan	22	74,212.22	49,648.85	74,212.22	49,648.85
Kumpulan Wang Kebajikan Am	23	75,017.89	38,414.52	75,017.89	38,414.52
Kumpulan Wang Khairat Kematian & Ehsan	24	37,717.27	13,131.25	37,717.27	13,131.25
Keuntungan Terkumpul		<u>42,415.42</u>	<u>32,384.35</u>	<u>52,808.33</u>	<u>50,047.97</u>
<b>KUMPULAN WANG ANGGOTA</b>		<b>3,065,643.33</b>	<b>2,734,230.79</b>	<b>3,076,036.24</b>	<b>2,751,894.41</b>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	25	<u>726,300.02</u>	<u>668,062.31</u>	<u>726,300.02</u>	<u>668,062.31</u>
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b><u>3,791,943.35</u></b>	<b><u>3,402,293.10</u></b>	<b><u>3,802,336.26</u></b>	<b><u>3,419,956.72</u></b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
Pinjaman Institusi Kewangan	26	8,031,979.75	8,020,733.53	8,031,979.75	8,020,733.53
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pinjaman Institusi Kewangan	26	809,157.83	701,708.77	809,157.83	701,708.77
Pelbagai Pemiutang	27	560,558.98	382,543.53	332,747.12	208,003.01
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	28	16,171.96	6,465.67	16,171.96	6,465.67
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	29	8,085.97	5,560.31	8,085.97	5,560.31
Wang Deposit	30	34,003.64	21,655.00	6,600.00	6,600.00
Cadangan Dividen	31	259,881.55	237,746.68	259,881.55	237,746.68
Peruntukan Cukai		<u>16,505.00</u>	<u>12,500.00</u>	<u>15,000.00</u>	<u>11,000.00</u>
		<u>1,704,364.93</u>	<u>1,368,179.96</u>	<u>1,447,644.43</u>	<u>1,177,084.44</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b><u>9,736,344.68</u></b>	<b><u>9,388,913.49</u></b>	<b><u>9,479,624.18</u></b>	<b><u>9,197,817.98</u></b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b><u>13,528,288.03</u></b>	<b><u>12,791,206.59</u></b>	<b><u>13,281,960.44</u></b>	<b><u>12,617,774.70</u></b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DISATUKAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>Keuntungan bersih</b>		492,659.15	327,630.04	485,314.21	323,283.29
<b>Tolak: Pembahagian Berkanun</b>					
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12%		58,237.71	38,793.99	58,237.71	38,793.99
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%		9,706.28	6,465.67	9,706.28	6,465.67
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%		4,853.14	3,232.83	4,853.14	3,232.83
		<u>72,797.13</u>	<u>48,492.49</u>	<u>72,797.13</u>	<u>48,492.49</u>
Keuntungan bersih selepas Pembahagian berkanun		419,862.02	279,137.55	412,517.08	274,790.80
<b>Tolak: Lain-lain Pembahagian</b>					
Dividen dicadangkan - 10% (2019: 10%)		259,881.55	237,746.68	259,881.55	237,746.68
Kumpulan Wang Pendidikan - 8% (2019: 4.3%)		33,001.37	11,816.00	33,001.37	11,816.00
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Am - 8% (2019:3.5%)		33,001.37	9,617.69	33,001.37	9,617.69
Kumpulan Wang Khairat Kematian & Ehsan - 6%		24,751.02	-	24,751.02	-
Kumpulan Wang Bencana & Musibah - 10%		41,251.71	-	41,251.71	-
Honorarium Anggota Lembaga		4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
Peruntukan Cukai	32	16,505.00	12,500.00	15,000.00	11,000.00
		<u>412,592.02</u>	<u>275,880.37</u>	<u>411,087.02</u>	<u>274,380.37</u>
Baki keuntungan yang belum dibahagi-bahagikan		7,270.00	3,257.18	1,430.06	410.43
Campur: Pelarasan Bukan Operasi					
Pelarasan Peruntukan Cukai	32	2,761.07	(12,265.63)	1,330.30	(12,580.26)
Keuntungan/(Kerugian) terkumpul dibawa ke hadapan		10,031.07	(9,008.45)	2,760.36	(12,169.83)
Keuntungan terkumpul awal tahun		32,384.35	41,392.80	50,047.97	62,217.80
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL AKHIR TAHUN</b>		<u>42,415.42</u>	<u>32,384.35</u>	<u>52,808.33</u>	<u>50,047.97</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Hasil kendalian	1,492,866.38	1,220,559.29	1,465,610.76	1,125,730.52
Perbelanjaan pentadbiran	<u>(869,462.98)</u>	<u>(729,726.08)</u>	<u>(849,552.30)</u>	<u>(639,244.06)</u>
Keuntungan dari Koperasi	623,403.40	490,333.21	616,058.46	486,486.46
Perbelanjaan kewangan	<u>(130,744.25)</u>	<u>(163,203.17)</u>	<u>(130,744.25)</u>	<u>(163,203.17)</u>
Keuntungan dibawa ke Akaun Pembahagian Keuntungan	<u>492,659.15</u>	<u>327,630.04</u>	<u>485,314.21</u>	<u>323,283.29</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

		<b>KOPERASI</b>	
	<b>NOTA</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>PENDAPATAN</b>			
Fee masuk		120.00	320.00
Keuntungan pelaburan projek hartanah		-	500,000.00
Keuntungan akaun semasa		8,129.89	6,922.41
Keuntungan hartanah (sewa bangunan)		36,400.00	13,200.00
Keuntungan pembiayaan Bai Al Inah 1		92,931.20	195,464.00
Komisen insurans		140,967.71	113,195.40
Perkhidmatan pinjaman Bai Al Inah		850.00	1,340.00
Keuntungan perniagaan stesen minyak Petronas Meru Raya	33	80,221.00	214,686.81
Kerugian perniagaan stesen minyak Petronas Lebu Meru Raya	34	(126,892.74)	(8,337.10)
Pelbagai pendapatan		2,483.70	27.00
Rosot nilai saham pulih semula		-	6,912.00
Yuran pengurusan anak syarikat		70,000.00	82,000.00
Prihatin PERKESO		63,600.00	-
Penerimaan peralatan - Projek Stesen Minyak Kedua		1,096,800.00	-
		<hr/>	<hr/>
<b>Jumlah Pendapatan</b>		1,465,610.76	1,125,730.52
<b>Tolak: Perbelanjaan pentadbiran</b>	35	(849,552.30)	(639,244.06)
<b>Tolak: Kos kewangan</b>	36	<hr/>	<hr/>
		(130,744.25)	(163,203.17)
<b>KEUNTUNGAN BERSIH KOPERASI</b>		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
		485,314.21	323,283.29

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KOPERASI</b>				
Keuntungan bersih dalam tahun	492,659.15	327,630.04	485,314.21	323,283.29
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:				
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	26.00	-	26.00	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	27,610.49	27,180.18	27,610.49	27,180.18
Rosotnilai saham pulih semula	(983.70)	(8,114.66)	-	(6,912.00)
Peruntukan rosotnilai	50,761.15	-	50,761.15	-
Faedah simpanan tetap	(5,897.02)	(4,551.27)	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	564,176.07	342,144.29	563,711.85	343,551.47
Pengurangan dalam pembiayaan anggota	407,646.29	246,905.42	407,646.29	246,905.42
Penambahan dalam penghutang perdagangan	(16,790.46)	(47,595.90)	(16,790.46)	(54,324.79)
Pengurangan/(Penambahan) dalam pelbagai penghutang	112,348.78	(18,424.27)	90,604.17	(8,352.71)
Pengurangan dalam stok (minyak & kedai mesra)	66,072.38	46,876.89	66,072.38	46,876.89
Penambahan/(Pengurangan) dalam pelbagai pemiutang	144,906.04	(36,833.80)	120,544.10	(36,462.60)
Pertambahan dalam kos kemajuan	(2,128,762.28)	(4,179,026.52)	(2,126,762.28)	(4,179,026.52)
Pertambahan dalam terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	(75,498.04)	(40,767.11)
Penambahan dalam wang deposit	-	5,660.00	-	5,660.00
Tunai digunakan untuk aktiviti operasi	(898,403.18)	(3,640,293.89)	(1,030,471.99)	(3,675,939.95)
Cukai dibayar	(62,000.55)	(13,874.46)	(60,000.00)	(12,580.26)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(900,403.73)	(3,654,168.35)	(1,030,471.99)	(3,688,520.21)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Penerimaan faedah simpanan tetap	5,897.02	4,551.27	-	-
Penambahan dalam hartanah, loji dan peralatan	(11,238.00)	-	(11,238.00)	-
Tunai bersih (digunakan untuk)/ diperolehi daripada aktiviti pelaburan	(5,340.98)	4,551.27	(11,238.00)	-

Penyata Aliran Tunai Disatukan...samb.

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Pembayaran Modal Yuran Anggota	(207,028.35)	(214,949.31)	(207,028.35)	(214,949.31)
Penerimaan Modal Yuran Anggota	407,794.34	455,556.89	407,794.34	455,556.89
Pembayaran Modal Syer Anggota	(2,700.00)	(4,660.00)	(2,700.00)	(4,660.00)
Penerimaan Modal Syer Anggota	1,900.00	2,370.00	1,900.00	2,370.00
Pembayaran Modal Syer Ditebus	(2,700.00)	(4,660.00)	(2,700.00)	(4,660.00)
Pembayaran Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	(10,950.00)	(7,600.00)	(10,950.00)	(7,600.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	5,361.01	5,359.00	5,361.01	5,359.00
Penerimaan Kumpulan Penebusan Syer	2,700.00	4,660.00	2,700.00	4,660.00
Pembayaran Kumpulan Wang Pendidikan	(22,560.00)	(18,900.00)	(22,560.00)	(18,900.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Pendidikan	14,122.00	10,720.00	14,122.00	10,720.00
Pembayaran Kumpulan Wang Kebajikan Am	(1,800.00)	(31,971.00)	(1,800.00)	(31,971.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Kebajikan Am	5,402.00	6,445.00	5,402.00	6,445.00
Pembayaran Kumpulan Wang Khairat Kematian	(5,400.00)	(30,100.00)	(5,400.00)	(30,100.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Khairat Kematian	5,235.00	8,453.00	5,235.00	8,453.00
Penerimaan pinjaman jangka panjang	448,190.74	6,334,495.78	448,190.74	6,334,495.78
Pembayaran pinjaman jangka panjang	(329,495.46)	(1,124,260.82)	(329,495.46)	(1,124,260.82)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	(13,482.31)	-	(13,482.31)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(2,327.48)	(6,741.15)	(2,327.48)	(6,741.15)
Pembayaran dividen	(237,746.68)	(213,004.79)	(237,746.68)	(213,004.79)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	67,997.12	5,157,730.29	67,997.12	5,157,730.29
(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam tunai Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	(837,747.59)	1,508,113.21	(973,712.87)	1,469,210.08
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	2,248,913.06	740,799.85	2,068,301.44	599,091.36
	1,411,165.47	2,248,913.06	1,094,588.57	2,068,301.44
<b>Diwakili oleh:</b>				
Tunai di bank dan di tangan	1,117,036.70	2,110,681.31	941,099.03	2,064,811.90
Simpanan tetap	290,639.23	134,742.21	150,000.00	-
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	3,489.54	3,489.54	3,489.54	3,489.54
	1,411,165.47	2,248,913.06	1,094,588.57	2,068,301.44

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**1. KEGIATAN UTAMA KOPERASI**

Kegiatan utama Koperasi adalah sebagai agen yang memberi pembiayaan kepada anggota serta menjalankan kegiatan pelaburan perdagangan am, perniagaan insuran, penjualan alatan pejabat, perniagaan stesen minyak dan lain-lain.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti dinyatakan di nota 8 penyata kewangan.

Penyata kewangan ini disediakan di dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

Penyata kewangan ini telah disahkan oleh Anggota Lembaga Koperasi pada 12 April 2021.

**2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan Kumpulan dan Koperasi ini disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (“MPERS”) yang diluluskan di Malaysia dan disesuaikan mengikut keperluan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi menurut kehendak Akta Koperasi 1993, di Malaysia dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat untuk membuat penilaian mereka di dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan dan Koperasi. Walau bagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 3 (j) kepada penyata kewangan.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Koperasi dan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disediakan sehingga penghujung tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut.

Penyata pendapatan yang disatukan meliputi keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan dari tarikh pemerolehan sehingga tarikh penjualan masing-masing.

#### b) Hartanah dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Koperasi dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah dan peralatan ditunjukkan pada kos asal setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atas penurunan nilai terkumpul, jika ada.

Hartanah dan peralatan disusutnilaikan dengan kaedah garis lurus sepanjang kegunaan mereka pada kadar-kadar berikut:

	%
Perabot dan kelengkapan	15
Peralatan pejabat	10
Rumah kedai	2
Aset PSS (Perniagaan Stesen Minyak)	15

#### c) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak susutnilai.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

#### c) Aset Kewangan...(samb.)

##### i) **Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

##### ii) **Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

##### iii) **Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai**

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

#### c) Aset Kewangan...(samb.)

##### iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- Kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- Pelanggaran kontrak
- Pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan
- Ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- Data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, samaada penting atau tidak, aset termasuk dalam Kumpulan dan Koperasi yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Untuk pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik (yang semestinya anggaran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) bahawa Kumpulan dan Koperasi menjangka untuk menerima untuk aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)**

#### **d) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan**

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Kumpulan dan Koperasi akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

